



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

28 MEI 2022 (SABTU)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

28 MEI 2022 (SABTU)

Lantik segera penyelaras kepenggunaan di 90 kawasan Parlimen

Kuala Terengganu: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menggesa 90 pejabat Ahli Parlimen yang masih belum melantik Penyelaras Kepenggunaan Parlimen (PKP) agar segera berbuat demikian.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid, berkata pelantikan itu perlu dipercepatkan agar dasar dan usaha kerajaan dalam membela hak pengguna dapat disampaikan kepada rakyat dengan lebih berkesan tambahan pula rakyat semakin terhimpit dengan kenaikan harga barang ketika ini.

"Sejak diperkenalkan pada 2019, individu yang dilantik sebagai PKP ini menjadi orang tengah antara kerajaan dengan rakyat dalam isu penting seperti kos sara hidup, kestabilan bekalan, harga barang keperluan dan aktiviti kepenggunaan.

"Selain memberi penjelasan kepada masyarakat berhubung isu berkenaan, PKP juga bertanggungjawab melaporkan kepada KPDNHEP berkaitan isu kepenggunaan yang dihadapi penduduk di kawasan Parlimen masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Pemukiman Hala Tuju PKP Semenanjung Malaysia 2022, yang turut dihadiri Pengarah KPDNHEP Terengganu, Saharuddin Mohd Kia di sini, malam kelmarin.

Pada tahun ini, KPDNHEP telah melantik 107 PKP di seluruh negara, manakala 25 lagi masih dalam proses lantikan.

Cadangan nama calon PKP diberi pejabat Ahli Parlimen sebelum ditauliahkan KPDNHEP dan setiap tahun, individu berlainan akan dilantik untuk menggalas tanggungjawab tersebut.

Terdahulu, dalam ucapannya, Rosol berkata, kerajaan sentiasa komited memastikan hak pengguna dilindungi antaranya melalui langkah intervensi yang dilaksanakan selama ini seperti program Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP), kawalan dan penetapan harga maksimum ayam dan telur, Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) dan Program Jualan Malaysia (PJM).

"Ia adalah bukti serius kerajaan membantu meringankan kos belanja dan sara hidup rakyat di negara ini. Bagi memastikan keberadaan dan bekalan barang mencukupi, pemantauan bekalan dilakukan oleh lebih 2,000 penguat kuasa dan pemantau harga membabitkan premis peruncit, premis pemborong dan pengilang di kawasan terpilih.



SEBANYAK 2,652 aduan yang diterima KPDNHEP dari Januari hingga April lalu melibatkan transaksi online. — GAMBAR HIASAN

'Aduan tipu transaksi online paling banyak'

KUALA TERENGGANU — Aduan berhubung transaksi online merupakan isu kepenggunaan tertinggi diterima Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, sebanyak 2,652 daripada keseluruhan 8,260 aduan yang diterima KPDNHEP dari Januari hingga April lalu melibatkan transaksi online.

"Trend penipuan transaksi online dikesan semakin menjadi-jadi sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) awal tahun 2020.

"Selain transaksi online, sebanyak 1,871 aduan berhubung harga dan 1,812 aduan perkhidmatan mengelirukan turut

diterima KPDNHEP sepanjang tempoh sama," katanya pada program Pemukiman Hala Tuju Penyelaras Kepenggunaan Parlimen (PKP) di sini kelmarin.

Dalam perkembangan sama, Rosol berkata, Indeks Pendayaupayaan Pengguna dalam kalangan masyarakat tempatan juga masih di tahap sederhana iaitu 63.1 peratus.

Jelas beliau, indikator tersebut menunjukkan hak pengguna masih belum dihayati dan dipraktikkan sepenuhnya di negara ini.

"Sehubungan itu, kita perlu membantu pengguna untuk mempraktikkan hak pengguna melalui saluran betul.

"Kita juga berusaha melengkapkan mereka dengan ilmu kepenggunaan digital dan mengelak risiko menjadi mangsa sindiket penipuan," katanya.

Isu ayam dan harga barang

Kekurangan bekalan dijangka selesai awal Jun

Kerajaan laksana intervensi drastik, gangguan bekalan di pasaran semakin pulih

Oleh Zatul Iffah Zolkiply
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Isu kekurangan bekalan ayam di pasaran yang berlaku ketika ini dijangka dapat diselesaikan awal bulan depan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata ia berikutkan hasil pemantauan dan pemeriksaan pihaknya terhadap industri ternakan ayam, selain beberapa langkah intervensi segera yang dilaksanakan kerajaan.

Beliau berkata, setakat ini gangguan kekurangan bekalan ayam di sesetengah kawasan sudah semakin pulih.

"Saya sudah bercakap dengan pengeluar ayam (dan), mereka maklumkan perkara itu (isu kekurangan bekalan) dijangka selesai selewat-lewatnya pada awal bulan Jun ini.

"Selain itu, kerajaan turut mengambil langkah intervensi drastik dalam menangani isu itu, ter-



Rosol beramah mesra bersama Penyelaras Kepenggunaan Parlimen pada Majlis Ramah Mesra Aidilfitri di Kuala Terengganu, malam kelmarin. (Foto Ghazali Kor/BH)

masuk mengenakan sekatan eksport ayam dan permansuhan permit import (AP) makanan bermaula 1 Jun ini. Insya-Allah ia dapat diselesaikan dengan cara yang terbaik," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pemukiman Hala Tuju Penyelaras Kepenggunaan Parlimen (PKP) Semenanjung Malaysia 2022 dan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri di sini, malam kelmarin.

Ditanya terdapat dakwaan peniaga yang menjual harga melebihi harga kawalan RM8.90 se-kilogram, Rosol berkata, pengguna boleh melaporkannya bagi

membolehkan tindakan penguasaan diambil.

"Kita akan buat pemantauan dan tindakan akan diambil mengikut Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 terhadap mana-mana pihak yang gagal mematuhi peraturan di bawah penguasaan itu," katanya.

Mengulas bebanan rakyat pun, terutama golongan B40 yang berdepan kesan inflasi makanan, Rosol berkata, kerajaan melaksanakan pelbagai strategi jangka pendek dan panjang dalam mengurangi isu melanda seluruh dunia, termasuk Malaysia.

"Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP), penentuan harga kawalan ayam dan telur serta pemberian subsidi barang tertentu antara usaha kerajaan membantu meringankan kos sara hidup rakyat.

"Kita turut bekerjasama dengan pelbagai kementerian terutama Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bagi memastikan keberadaan barang keperluan dan kos jualan barang pada harga mampu milik menerusi Program Jualan Keluarga Malaysia," kata dia.

KPDNHEP beri jaminan berikutnya beberapa langkah telah diambil kerajaan

Isu bekalan ayam selesai awal Jun



ROSOL (kanan) sempat beramah mesra dengan sebahagian daripada Penyelaras Kepenggunaan Parlimen (PKP) yang dilantik KPDNHEP di Kuala Terengganu kelmarin.

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA TERENGGANU — Kerajaan percaya isu kekurangan bekalan ayam yang berlaku pada masa ini dapat diatasi sepenuhnya pada awal bulan depan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, beberapa langkah diambil kerajaan seperti pemansuhan permit import (AP) dan larangan eksport ayam akan mula mehamparkan kesannya dalam masa terdekat.

"Saya akui ada beberapa tempat masih menghadapi kekurangan bekalan ayam tetapi ia tidak begitu membimbangkan."

"Berdasarkan maklum balas pengeluar juga, isu bekalan ayam di pasaran akan selesai pada awal bulan depan (Jun)," katanya ketika ditemui pada program Pemukiman Hala Tuju Penyelaras

Kepenggunaan Parlimen di sini kelmarin.

Dalam perkembangan sama, Rosol memberitahu, cadangan Juke Ayam iaitu pembekal ayam terbesar Kelantan untuk membawa ayam hidup dari Thailand bagi mengatasi kekurangan bahan mentah itu pada masa ini tidak dapat dipertimbangkan.

Jelasnya, setakat ini, hanya ayam bulat segar import dibenar dibawa masuk dengan syarat tertentu bagi mengelak manipulasi.

"Ayam hidup tidak boleh (dibawa masuk), bimbang masalah (salah guna dan penyakit berjangkit) di kemudian hari," katanya.

Rosol juga mengingatkan peniaga agar patuh menjual ayam segar pada harga RM8.90 sekilogram seperti yang ditetapkan kerajaan.

Ujar beliau, harga tersebut berkuat kuasa sepanjang pelaksanaan Skim Harga Maksimum

Musim Perayaan (SHMMR) Aidilfitri yang hanya akan berakhir 5 Jun depan.

"Saya akui berdasarkan trend, ada segelintir peniaga akan 'langgar' SHMMR pada minggu terakhir pelaksanaannya, namun penguat kuasa kita tetap tegas."

"Pengguna juga disaran membuat aduan rasmi kepada KPDNHEP bagi penguatkuasaan yang lebih berkesan dan pantas," katanya.

Kosmo! semalam melaporkan pemilik Juke Ayam, Zukilla Deraman mencadangkan sekurang-kurangnya 10,000 ekor ayam hidup dari Thailand boleh dibawa masuk bagi mengatasi isu kekurangan bekalan ayam kini.

Zukilla menjelaskan, kemasukan ayam hidup dari negara jiran itu bagi membolehkan ia disembelih dan diproses sendiri pengusaha tempatan bagi mengekalkan pengguna was-was.

PROFITEERS WARNED

CHICKEN SHORTAGE TO END NEXT MONTH?

This is the result of monitoring, inspections and govt intervention, says deputy minister

ZATUL IFFAH ZOLKIPLY
AND NOOR HIDAYAH TANZIZI
KUALA TERENGGANU
news@nst.com.my

THE current chicken shortage is expected to be resolved next month, with the situation in some areas already improving, said Domestic Trade and Consumer Affairs Deputy Minister Datuk Rosol Wahid.

He said this was the result of the ministry's monitoring and inspection of the poultry industry, apart from immediate intervention measures implemented by the government.

"I have spoken to chicken producers and they have informed me that this matter (the chicken shortage issue) is expected to be resolved by early June at the latest."

"Besides that, the government has also taken drastic measures in addressing the matter, including imposing restrictions on chicken exports and the abolition of food approved permits (APs) starting from June 1. *InsyAllah* (God willing), it will be resolved in the best way."

He said this at the Majlis Perwakilan Hala Tuju Penyelaras Kepenggunaan Parlimen Semenanjung Malaysia Tahun 2022 and the Hari Raya Aidilfitri open house here on Thursday night.

On claims of traders selling chicken above the controlled price of RM8.90 per kg, Rosol said consumers could report such incidents for the authorities to take action.

"We will monitor, and action will be taken in accordance with the Price Control and Anti-Profitteering Act 2011 against any party who fails to comply with the rules under this law."

"Our actions are not based on reports alone, but also inspec-



Fresh chickens being sold at a market in Kampung Telaga Daing, Kuala Terengganu on Thursday. PIC BY GHAZALI KORI

tions conducted at business premises and on the ground from time to time," he said.

Commenting on the people's burden brought on by inflation, particularly those in the B40 group, Rosol said the government was implementing short- and long-term measures to address it.

He said the Festive Season Maximum Price Control Scheme, which controlled the prices of chicken and eggs, as well as the provision of subsidies for certain goods, were among the government's efforts to help ease the rising cost of living.

Rosol said his ministry also cooperated with other ministries, especially the Agriculture and Food Industry Ministry (Mafi) to ensure that essential goods were available at affordable prices through Program Jualan Keluarga Malaysia.

Meanwhile, Mafi said it was trying to empower local farmers and reduce reliance on imports.

Ministry secretary-general Datuk Haslina Abdul Hamid said the initiative would not just reduce dependence on imports, but also increase national productivity.

She said this was also in line with the National Agro-Food Policy 2021-2030 and National Food Security Action Plan 2021-2025.

"We are now looking at local content that can reduce our dependence on agricultural imports," she said.

Haslina was speaking after officiating at the I-Grow Economic and Community Development Programme in Pulau Tiga near Kampung Gajah, Kuala Terengganu yesterday.

She was responding to questions on the ministry's efforts to revitalise the agricultural industry following the global food crisis.

Haslina said local entrepreneurs could also play a role, with some already working towards plans on manufacturing animal feed locally.

Some, she said, were also involved in not just the supply aspect, but the whole supply chain from the initial process.

"We want to empower the ecosystem as agriculture involves three major sectors, namely crops, livestock and fisheries."

She said it could not be denied that the food crisis was a challenge not just for Malaysia, but also for countries worldwide.

Therefore, she added, Mafi would welcome any initiative that would help boost food security for the people.



Datuk Rosol Wahid



Datuk Haslina Abdul Hamid

15 peniaga, pemborong dikompaun jual ayam mahal

KUALA TERENGGANU:

Seramai 15 peniaga termasuk tiga pemborong dikenakan kompaun bernilai keseluruhan RM9,000 gara-gara menjual ayam segar melebihi harga RM8.90 yang ditetapkan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Saharuddin Mohd. Kia berkata, jumlah itu direkodkan dalam tempoh tiga bulan sejak Mac lalu hingga kini.

"Tindakan diambil mengikut Seksyen 11 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dengan kesemua 12 peniaga termasuk dua pemborong itu dikesan di Kuala Terengganu diikuti baki seorang lagi di Besut.

"Jadi, saya minta orang ramai bijak berbelanja dan menggunakan hak mereka sebagai pengguna termasuk membuat aduan jika wujud unsur-unsur pencatutan," katanya di sini semalam.

Utusan Malaysia semalam melaporkan, harga ayam yang dijual di pasar-pasar sekitar daerah ini melambung antara RM12 hingga RM14 sekilogram akibat kekurangan bekalan.

Seorang peniaga di Pasar Chabang Tiga, Wali Ridzuan Huqin Abdul Manan, 36, berkata, harga itu diajukan terus meningkat berikutan situasi semasa yang didakwanya makin kritikal.


Katanya, rata-rata peniaga terpaksa menjual pada harga mahal susulan kos dikenakan pembekal yang berterusan naik termasuk kelmarin meningkat lagi 30 sen.

Sementara itu, Saharuddin berkata, dalam tempoh sama, sebanyak lima kes dikesan melibatkan penjualan ayam secara borong tanpa lesen sah diikuti dua kes kegagalan mengemukakan rekod transaksi jualan.

"Keseluruhan kesalahan berkaitan ayam yang dikenal pasti sejak Mac hingga kini ialah sebanyak 22 kes," katanya.

Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI



Senarai Harga Barang Keperluan

- Ayam RM8.99
- Daging Lembu Tempatan RM42.99
- Daging Lembu Import RM28

- Telur Gred A RM12.45
- Ikan Kembung RM10.90
- Minyak Masak RM6.50

- Gula Pasir RM2.85
- Bawang Besar Holland RM2.50
- Bawang Putih RMS.49

- Cili Merah RM11.90
- Kubis Bulat Tempatan RM4
- Tepung Gandum RM2.30

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

HARI : SABTU
TARIKH : 28/05/2022
M/SURAT : 16